

KES ADIB

# Jangan sampai berulang lagi



Bersama  
Nasharuddin  
Muhammad

J

umaat lalu, Mahkamah Koroner Shah Alam akhirnya membuat keputusan inkuus siasatan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim yang mendapat perhatian dan liputan di seluruh negara apabila meninggal dunia dalam tragedi kekecohan di sebuah kuil di Subang Jaya, Selangor.

Bagaimanapun, penulis tidak berhasrat membincang atau mengulas mengenai fakta atau merit kes berkenaan, sebaliknya mengajak pembaca memikirkan iktibar yang boleh kita peroleh, setidak-tidaknya bagi mengelak kes seperti itu terus berulang pada masa akan datang.

Bjarpun keputusan dan dapatan Mahkamah Koroner itu seperti memihak kepada Allahyarham Adib dan keluarganya, namun sebenarnya tiada sesiapa boleh mengatakan kemenangan berpihak kepada mereka, apatah lagi jika ia membabitkan kehilangan nyawa insan tersayang.

Sebaliknya, kejadian tragis menimpa anggota bomba itu sepatutnya menjadi iktibar dan teladan kepada kita semua akan padah bakal menimpa jika isu sensitif membabitkan hubungan kaum, perpaduan rakyat serta perbezaan agama dijadikan modal dalam usaha membangkitkan sehtimen orang ramai.

Tragedi menimpa Adib mungkin tidak berlaku dan boleh dielak jika kita sentiasa menjunjung tinggi akan prinsip Rykunegara seperti digariskan bapa-bapa pengasas negara kita khususnya berkaitan kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan.

Jika diimbau, bibit-bibit awal tercetusnya tragedi hitam dalam lipatan sejarah moden negara kita itu hanya membabitkan pertikaian berkaitan hak milik tanah yang boleh diselesaikan mengikut undang-undang sedia ada.

Bagaimanapun, entah di mana silap, kejadian itu tiba-tiba meletus dan merebak seolah-olah menjadi isu perkauman dan agama sebelum akhirnya menyebabkan nyawa seorang penjawat awam yang tidak berdosa menjadi korban.

Inilah bahana apabila semua perkara mahu dipolitik demi meraih laba jangka pendek



Dengan keunikan negara yang dihuni masyarakat majmuk dengan kepelbagaian agama, budaya serta latar belakang, ditambah dalam era Malaysia Baharu ini, pendekatan berpolitik menggunakan isu sensitif sebagai modal sepatutnya tidak lagi berlaku.

Berkaitan ini juga, sudah tiba masa, pihak yang berwenang melaksanakan fungsi dan tanggungjawab mereka dengan lebih proaktif, tegas dan efisien khususnya dalam menanganis isu atau kejadian sensitif yang membabitkan hubungan kaum dan perbezaan agama ini.

Pihak yang sengaja memainkan atau menggunakan isu sensitif sebagai modal sepatutnya diambil tindakan tegas tanpa mengira sama ada mereka mewakili parti pemerintah mahupun pembangkang kerana lebih penting dan utama masa depan kita dan generasi akan datang.

Cukuplah tragedi menimpa Adib menjadi kejadian pertama dan terakhir. Cukup-cukuplah juga kita menjadikan isu yang sensitif itu sebagai modal untuk apa juga matlamat dan tujuan kerana kita tidak mahu ksilapan hari ini membuatkan kita menanggung sesalan untuk selama-lamanya.

Kepada keluarga Adib, perjalanan menuntut keadilan terhadap kematian anak muda ini sebenarnya baru saja bermula dan didoakan semoga urusan untuk fasa seterusnya diperudahkan.

>>Penulis Pengarang Berita Harian Metro

sedangkan natijah lebih besar, isu atau kejadian sensitif seperti itu jika tidak dibendung mampu memusnahkan sebuah negara bangsa yang batu asasnya sudah dibina generasi terdahulu.

Justeru, kejadian tragis menimpa Adib perlu dijadikan iktibar dan

teladan terutama pelaku politik. Ayuh, berpolitiklah dengan idea dan gagasan yang mampu membawa negara

ke tahap kejayaan dan kecemerlangan yang mampu dibanggakan, bukan seperti kata pepatah yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu.

Adib meninggal dunia dalam tragedi kekecohan di sebuah kuil

## dialog kotaraya oleh juragan

